



16 JUN, 2024

Kastam rampas alkohol, rokok tanpa cukai

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas alkohol, rokok tanpa cukai

SIBU: Sejumlah minuman keras dan rokok pelbagai jenama disyaki tidak bercukai yang dianggarkan bernilai RM898,581.61 termasuk duti, dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak di Sibu.

Pengarah Kastam Sarawak, Norizan Yahya berkata, operasi itu dibuat oleh sepasukan anggota Cawangan Penguatkuasaan JKDM Sibu pada 29 Mei lalu, pada 11.55 malam di sebuah rumah teres dua tingkat tidak bernombor yang beralamat di Lorong Kong Yit Khim.

Dalam serbuan itu katanya, pasukan menjumpai sejumlah rokok dan minuman keras jenis bir yang disyaki tidak berkastam dengan kuantiti sebanyak satu juta batang rokok dan 894.96 liter minuman keras.

"Semasa serbuan dan pemeriksaan dilakukan, tiada wakil atau pemilik barang berada di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan media semalam.

Beliau berkata, pasukan JKDM telah menunggu dan membuat intipan hampir sejam, namun tiada wakil atau pemilik yang tampil mengaku sebagai pemilik barang-barang tersebut.

"Kuantiti barang rampasan rokok dan minuman keras itu keseluruhannya dianggarkan bernilai RM205,369.76 dan anggaran jumlah duti dan cukai yang terlibat pula adalah bernilai RM693,211.85," katanya.

Menurutnya, modus operandi sindiket adalah menyimpan

dan menyembunyikan barang larangan berupa rokok dan minuman keras yang disyaki tidak berkastam di sebuah rumah kosong, dipercayai dijadikan stor simpanan barang tersebut sebelum diedar kepada pelanggan.

Kes itu disiasat dibawah Seksyen 135 (1) (e) Akta Kastam 1967 dan jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Justeru, beliau menggesa orang ramai untuk membantu pihaknya memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta

dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

Katanya, penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

"JKDM juga menggesa kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat.

"Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan," katanya.



TUMPAS... Barang yang dirampas oleh sepasukan anggota Cawangan Penguatkuasaan JKDM Sibu.



16 JUN, 2024

Kastam rampas alkohol, rokok tanpa cukai

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SIBU: Sejumlah minuman keras dan rokok pelbagai jenama disyaki tidak bercukai yang dianggarkan bernilai RM898.581.61 termasuk duti, dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak di Sibu. Pengarah Kastam Sarawak, Norizan Yahya berkata, operasi itu dibuat oleh sepasukan anggota Cawangan Penguatkuasaan JKDM Sibu pada 29 Mei lalu, pada 11.55 malam di sebuah rumah teres cfua tingkat tidak bernombor yang beralamat di Lorong Kong Yit Khim.